

01 JAN 1997

Mokhtar - TMT

PROGRAM TAHUN MELAWAT TERENGGANU BUKAN MEDAN PESTA

KUALA TERENGGANU, 1 Jan (Bernama) -- Program Tahun Melawat Terengganu (TMT) 1997 merupakan pentas untuk rakyat negeri ini menonjolkan kekuatan moral, kekukuhan institusi kekeluargaan, semangat kekitaan dan bukannya medan untuk berpesta.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata program berkenaan juga suatu wadah bagi rakyat menunjukkan keramahan, ketinggian budi pekerti sambil mempamerkan juadah makanan yang lazat, loghat bahasa yang unik dan tradisi keilmuan serta keagamaan yang tinggi.

"Ini semua perlu dijadikan tarikan utama pelancongan di Terengganu," katanya pada pelancaran kempen Tahun Melawat Terengganu 1997 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini, malam ini.

Wan Mokhtar berkata pelancong asing datang ke negeri ini untuk melihat budaya dan cara hidup yang berbeza dan bukan untuk membeli-belah.

Katanya, bagaimana mungkin rakyat Terengganu dapat menjelaskan kepada pelancong luar jika mereka sendiri tidak berbangga dengan warisan mereka.

Beliau juga berkata, bagi memajukan sektor pelancongan di negeri ini, tumpuan janganlah semata-mata diberikan kepada "nature and adventure" tetapi hendaklah juga membabitkan pengubahsuaian, kepelbagaian dan kreativiti terhadap produk tempatan.

Beliau berkata TMT bertujuan menggalakkan ketibaan pelancong dari dalam dan luar negeri bukan sahaja untuk tahun 1997 malah tahun-tahun akan datang.

Kerajaan negeri melihat pontensi cukup besar bagi industri pelancongan berkembang di negeri ini. Kejayaan program itu bergantung kepada kesepakatan usaha antara kerajaan, sektor swasta dan rakyat, katanya. --
BERNAMA

IB FAZ